

19

Meningkatkan Mutu Penulisan e-mel Pelajar Melalui e-Pedagogi

Sekolah Menengah Deyi



Siti Norashikin Hassan

siti_norashikin_hassan@schools.gov.sg



Siti Farhanah Mohd Nasir

siti_farhanah_mohd_nasir@schools.gov.sg

Abstrak

Pelajar menghadapi kesukaran dalam menghasilkan penulisan e-mel yang bermutu. Tambahan, pelajar juga didapati kurang berupaya menghuraikan isi dengan baik. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan keupayaan pelajar dalam menghuraikan isi bagi penulisan e-mel serta menggalakkan pembelajaran aktif dengan memanfaatkan e-pedagogi melalui pembelajaran *asynchronous* dan *synchronous*. Untuk mencapai matlamat kajian ini, kaedah kajian tindakan menjadi kaedah utama kajian ini manakala wadah e-Pedagogi menjadi teras pelaksanaan kajian. Dapatan awal kajian menunjukkan e-Pedagogi berupaya meningkatkan mutu penulisan pelajar untuk menjana idea, mengasah pemikiran dan memahami topik dengan lebih baik secara sendiri mahupun secara kolaboratif.

Kata Kunci: penulisan e-mel, kajian tindakan, *synchronous*, *asynchronous*, pembelajaran aktif, pembelajaran sendiri



PENGENALAN

Penggunaan teknologi dalam pedagogi bukanlah sesuatu yang asing bagi guru-guru di Singapura. Kementerian Pendidikan telah melancarkan Program Literasi Digital Kebangsaan pada bulan Jun 2020 bagi menjadikan pembelajaran digital bersifat inklusif dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran digital yang diperlukan bagi menghadapi dunia digital yang pesat berkembang. Seajar dengan usaha ini, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan bahawa menjelang akhir 2021, setiap pelajar akan menerima alat pembelajaran peribadi bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui e-pedagogi dan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar (MOE, 2020).

Dalam kajian ini, penulisan e-mel menjadi tumpuan kerana kesukaran yang dihadapi pelajar dalam menghasilkan penulisan e-mel yang bermutu. Hal ini berpunca daripada sikap pelajar yang kurang mengikuti perkembangan isu semasa, lantas banyak bergantung kepada guru untuk mengupas isi dan memberikan contoh yang relevan. Oleh itu, e-pedagogi akan dimanfaatkan menerusi pelaksanaan pembelajaran *synchronous* dan *asynchronous* agar dapat menggalakkan pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan keupayaan mereka menghuraikan isi, sekali gus memupuk kebolehan pelajar untuk mengamalkan pembelajaran sendiri dalam penulisan e-mel.

PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar didapati menghadapi kesukaran untuk mengupas, mengembang dan menghuraikan isi dalam penulisan e-mel mereka. Ini sudah pasti akan menjejaskan mutu penulisan mereka. Hal ini disebabkan mereka kurang membaca dan mengikuti perkembangan semasa pada masa lapang. Pengetahuan sedia ada pelajar agak cetek dan kebanyakan daripada mereka tidak berupaya untuk memberi sumbangan idea yang bernas di dalam kelas semasa perbincangan aktiviti pramenulis. Kebanyakan isi penulisan mereka banyak bergantung kepada pengajaran guru di dalam kelas. Masalah kurang mengikuti perkembangan semasa ini menyebabkan para pelajar kurang bersedia di dalam kelas dan menghambat penghuraian isi penulisan e-mel dalam memberi penjelasan dan contoh yang baik. Kebergantungan terhadap guru juga menyebabkan para pelajar kurang berdikari dalam memikirkan isi.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar dalam menghuraikan isi bagi penulisan e-mel; dan
2. menggalakkan pembelajaran aktif melalui pembelajaran *asynchronous* dan *synchronous*.

KAJIAN LEPAS

Beetham dan Sharpe (2013) berpendapat bahawa pembelajaran *asynchronous* memberikan pelajar lebih kuasa untuk mengawal masa, tempat dan rentak pembelajaran mereka, malahan membolehkan mereka untuk berhubung dengan komuniti pembelajaran di seluruh dunia.

Menurut Fabriz, Mendzheritskaya dan Stehle (2021), kekuatan pembelajaran *synchronous* terletak pada komunikasi interpersonal dalam masa nyata, penggunaan bahasa sejadi dan maklum balas serta merta. Ia juga memberi kesan positif terhadap komitmen dan motivasi pelajar dalam menyelesaikan tugas. Hal ini dipersetujui oleh Hratinski (2008) yang menyatakan bahawa pembelajaran *synchronous* meningkatkan penglibatan peribadi, motivasi serta komitmen pelajar manakala pembelajaran *asynchronous* pula meningkatkan penglibatan kognitif serta kemampuan pelajar untuk memproses informasi.

Pembelajaran aktif merupakan satu elemen e-Pedagogi yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan kita. Apabila kaedah pembelajaran aktif dilaksanakan, minat untuk belajar dalam kalangan pelajar juga meningkat. Dengan ini, pengetahuan yang diperoleh dapat diluaskan dan dikekalkan (Shaikh dan Algannawar, 2018) melalui pembelajaran sendiri. Candy (2004) menjelaskan bahawa kemajuan teknologi kini telah mengubah elemen pembelajaran sendiri daripada menimba ilmu dalam keterasingan kepada pembelajaran kolaboratif, dengan timbulnya alat-alat digital.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Simuth dan Sarmany-Schuller (2012) telah menyenaraikan beberapa prinsip e-Pedagogi iaitu:

1. memastikan hubungan yang kerap antara guru dengan pelajar serta antara pelajar dengan pelajar;
2. membina kerjasama dalam kalangan pelajar;
3. memberikan pelajar lebih banyak maklum balas berbanding dengan penilaian;
4. mengambil kira kepelbagaian bakat dan gaya pembelajaran dalam membina bahan pengajaran; dan
5. memberikan matlamat pembelajaran yang jelas dari awal pelajaran.

Kesimpulannya, e-Pedagogi membina persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar yang menyokong kolaborasi antara satu sama lain dan pembelajaran secara aktif. Hal ini menggalakkan pelajar untuk menjadi lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Ini juga bermakna para pelajar akan menjadi lebih aktif dalam mencari maklumat-maklumat yang relevan untuk mempertingkatkan mutu penulisan mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian Tindakan. Pengumpulan data adalah berdasarkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, data yang diperolehi daripada praujian dibandingkan dengan data daripada pascaujian. Pascaujian terdiri daripada tiga latihan e-mel yang berbeza topik. Bagi kaedah kualitatif, data yang diperolehi daripada tinjauan praujian dibandingkan dengan data daripada tinjauan pascaujian.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 24 pelajar Menengah 2 daripada dua kelas yang berbeza berdasarkan tahap keupayaan dalam Bahasa Melayu. Kelas Band Atas terdiri daripada 15 pelajar yang merupakan gabungan 1 pelajar Ekspres, 8 pelajar aliran Normal Akademik yang mengambil SBB (Ekspres), 2 pelajar Normal Akademik, 3 pelajar aliran Normal Teknikal yang mengambil SBB (Normal Akademik) dan 1 pelajar aliran Normal Teknikal yang mengambil SBB (Ekspres). Kelas Band Bawah pula terdiri daripada pelajar yang merupakan gabungan 2 pelajar Normal Akademik, 6 pelajar aliran Normal Teknikal yang mengambil SBB (Normal Akademik) dan 1 pelajar aliran Normal Teknikal yang mengambil SBB (Ekspres). Kumpulan pelajar ini dipilih kerana mereka menghadapi kesukaran menghuraikan isi bagi penulisan e-mel lantas menghasilkan penulisan yang kurang bermutu.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan ialah perbandingan praujian dan pascaujian. Tiga pascaujian dalam bentuk latihan-latihan e-mel yang berbeza topik telah digunakan bagi menilai peningkatan keupayaan pelajar dalam menghuraikan isi selepas menjalani pembelajaran e-Pedagogi. Butiran bagi praujian dan pascaujian adalah seperti yang terpapar pada Jadual 1.

Jadual 1 : Butiran Praujian dan Pascaujian

Item	Jenis E-mel	Topik
Praujian	E-mel tidak Rasmi	Pengalaman belajar di Singapura
Pascaujian E-mel 1	E-mel Rasmi	Perbuatan tidak bertanggungjawab di estet perumahan
Pascaujian E-mel 2	E-mel tidak Rasmi	Tabiat buruk pengguna jalan raya
Pascaujian E-mel 3	E-mel Rasmi	Pembulian siber

Bagi menilai keberkesanan alat-alat teknologi yang digunakan, maklum balas pelajar diperoleh sebelum dan sesudah pembelajaran dijalankan. e-Pedagogi yang digunakan adalah seperti berikut:

1. SLS sebagai platform untuk tugas individu yang membolehkan pelajar memberi pendapat tentang topik. Guru dapat menilai pemahaman pelajar dan memberi maklum balas kepada pelajar untuk memperbaiki dan meluaskan respons.
2. Padlet sebagai platform tugas kolaboratif bagi menyusun dan merangkumkan isi pelajaran dan sebagai platform susur galeri yang membolehkan pelajar membaca respons rakan-rakan.
3. Media digital seperti Podcast di Spotify, bahan berita di Berita MediaCorp, klip video pendek di Facebook dan Youtube sebagai sumber rujukan untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan topik-topik penulisan e-mel.
4. Video 20 minit tentang struktur e-mel rasmi yang disediakan guru.


Tiga borang soal selidik yang terdiri daripada 7 soalan tertutup telah disediakan dalam bentuk Google Form. Borang soal selidik yang pertama dan kedua merupakan tinjauan praujian dan pascaujian bagi mendapatkan maklum balas pelajar terhadap pembelajaran penulisan e-mel. Borang soal

selidik yang ketiga merupakan tinjauan pascaujian terhadap penggunaan e-Pedagogi dalam penulisan e-mel.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sebanyak tiga kitaran selama tujuh bulan. Guru telah menjalankan aktiviti prapelajaran untuk memperkenalkan pelajar kepada format dan struktur e-mel rasmi dan membimbing mereka untuk membina dan menghuraikan isi melalui teknik "Apa - Siapa - Bila - Di mana - Bagaimana - Mengapa" berdasarkan topik 'Perbuatan tidak bertanggungjawab di sekolah'. Langkah ini dianggap perlu kerana ia merupakan kali pertama para pelajar didedahkan kepada penulisan e-mel rasmi dan aplikasi Padlet dalam penulisan e-mel. Jadual 2 menjelaskan aktiviti PdP yang telah dilaksanakan dalam kajian ini.

Jadual 2: Pelaksanaan Kajian



Setelah 3 sesi prapelajaran, pembelajaran penulisan e-mel dijalankan sebanyak 3 kitaran. Jadual 3 menjelaskan aktiviti PdP yang telah dilaksanakan dalam Kitaran 1. Kitaran 1 dimulakan dengan pembelajaran *synchronous* sahaja untuk memperkenalkan para pelajar kepada pembelajaran e-Pedagogi yang pelbagai. Pelajar melalui proses-proses PdP di bawah ini sebelum menulis e-mel sebagai tugas. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3: Pelaksanaan Kitaran 1

E-mel 1		
Elemen e-Pedagogi	Pembelajaran	Pengisian e-pedagogi
Aktifkan pembelajaran	<i>Synchronous</i>	Bahan rujukan di Padlet dan SLS Setiap kumpulan diberikan 2 artikel yang berbeza. Secara kolaboratif, pelajar membaca 2 artikel Berita Mediacorp yang dipautkan.
Menggalakkan pemikiran dan perbincangan	<i>Synchronous</i>	<u>Bahan rujukan di Padlet</u> Secara kolaboratif, pelajar mencerakin kandungan bahan-bahan rujukan lalu memilih isi-isi yang relevan bagi membina peta konsep.
Memudah cara demonstrasi pembelajaran	<i>Synchronous</i>	<u>Tugasan susulan di Padlet (Peta Konsep)</u> Secara kolaboratif, pelajar menyusun informasi-informasi relevan yang dipilih daripada bahan-bahan rujukan bagi membina peta konsep, berdasarkan kehendak soalan e-mel 1.
Memantau dan memberikan maklum balas	<i>Synchronous</i>	<u>Tugasan susulan di Padlet (Susur Galeri secara maya)</u> Pelajar membaca peta konsep kumpulan-kumpulan lain dan memberikan maklum balas. Pelajar memperbaiki respons di peta konsep berdasarkan maklum balas yang guru berikan.

Bagi pelajaran e-mel 2 dan 3 pula, urutan aktiviti yang sama telah dijalankan dengan sedikit kelainan. Pada tahap ini, para pelajar sudah terbiasa dengan pelajaran e-pedagogi yang pelbagai, lantas pembelajaran *asynchronous* dan *synchronous* telah digabungkan. Jadual 4 menjelaskan aktiviti PdP yang telah dilaksanakan dalam Kitaran 2 dan 3.

Jadual 4: Pelaksanaan Kitaran 2 dan 3

E-mel 2 dan 3		
Elemen e-pedagogi	Pembelajaran	Pengisian e-pedagogi
Aktifkan pembelajaran	<i>Asynchronous</i>	<p><u>Bahan rujukan di SLS</u> E-mel 2 Pelajar membaca 2 artikel BeritaMediacorp yang dipautkan. E-mel 3 Pelajar melalui 4 aktiviti; mendengar Podcast di Spotify, membaca berita di Berita Mediacorp, menonton 2 video di Youtube dan Facebook, serta mencari 1 bahan berita / video.</p>
Menggalakkan pemikiran dan perbincangan	<i>Asynchronous</i>	<p><u>Tugasan susulan di SLS (<i>Interactive Thinking Tool</i>)</u> E-mel 2 & 3 Pelajar memberikan pendapat kepada soalan-soalan yang diajukan berdasarkan bahan-bahan rujukan. Pelajar dikehendaki mencari 1 bahan berita/ video lain yang berkaitan dengan topik e-mel. (Pembelajaran Kendiri)</p>
Memudah cara demonstrasi pembelajaran	<i>Synchronous</i>	<p><u>Bahan rujukan di SLS</u> E-mel 2 Pelajar mencatat informasi-informasi relevan daripada bahan-bahan rujukan bagi melengkapkan lembaran kerja, menggunakan teknik ASiBiDiBaM. <u>Tugasan susulan di Padlet (<i>Peta Konsep</i>)</u> E-mel 3 Pelajar mencatat informasi-informasi relevan daripada 4 aktiviti terdahulu bagi membina peta konsep, menggunakan teknik ASiBiDiBaM. (Pembelajaran Kolaboratif)</p>
Memantau dan memberikan maklum balas	<i>Synchronous</i>	<p><u>Tugasan susulan di SLS (<i>Interactive Thinking Tool</i>)</u> E-mel 2 & 3 Pelajar memperbaiki respons di SLS dan lembaran kerja berdasarkan maklum balas yang guru berikan. E-mel 3 <u>Tugasan susulan di Padlet (<i>Susur Galeri secara maya</i>)</u> Pelajar membaca peta konsep kumpulan-kumpulan lain dan memberikan maklum balas. Pelajar memperbaiki respons di peta konsep berdasarkan maklum balas yang guru berikan.</p>

Di akhir setiap kitaran, para pelajar perlu menulis e-mel sebagai tugasan. Dalam menghasilkan e-mel, mereka boleh merujuk kepada bahan-bahan dalam talian, hasil perbincangan dan peta konsep yang telah dibina semasa melalui pembelajaran yang menegaskan elemen e-Pedagogi dilaksanakan.

Markah bagi setiap latihan e-mel tersebut dicatatkan dan diambil sebagai data pascaujian bagi tujuan analisis. Akhir sekali, bagi menutup kajian ini, para pelajar menyelesaikan tinjauan pascaujian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kualitatif yang diperoleh daripada tinjauan praujian dan pascaujian, terdapat beberapa perkara yang boleh dicungkil tentang persepsi dan pandangan pelajar berkenaan pembelajaran penulisan e-mel. Skor yang diperoleh daripada tinjauan praujian, seperti yang tertera pada Jadual 5, menunjukkan bahawa secara purata, para pelajar kurang pasti tentang kemahiran mereka dalam penulisan e-mel dan penggunaan ICT dalam pembelajaran penulisan e-mel.

Namun, persepsi tersebut jelas berubah dalam tinjauan pascaujian yang memaparkan respons yang lebih positif. Skor pascaujian menunjukkan bahawa secara purata, para pelajar kini lebih pasti tentang format penulisan e-mel, kurang menghadapi kesukaran untuk menulis e-mel dengan baik serta kurang bergantung pada guru. Dari segi kemahiran menulis e-mel pula, mereka bersetuju bahawa kini mereka dapat menghuraikan isi-isi utama dengan lebih baik dan memberikan contoh-contoh yang relevan. Dari segi penggunaan ICT, para pelajar sangat bersetuju bahawa penggunaan video dapat menjadikan pembelajaran penulisan e-mel lebih menarik, namun masih tidak pasti sama ada pembelajaran akan membosankan tanpa penggunaan wadah digital atau aplikasi.

Jadual 5: Perbandingan Dapatan Tinjauan Praujian Dan Pascaujian Berkenaan Pembelajaran Penulisan E-mel

	Soalan	Praujian	Pascaujian
1	Dalam penulisan e-mel, saya kurang pasti tentang format penulisan e-mel.	3.08	2.05
2	Saya menghadapi kesukaran untuk menulis e-mel dengan baik.	3.30	2.59
3	Saya terlalu bergantung pada guru untuk mendapatkan maklumat asas bagi penulisan e-mel.	3.26	2.68
4	Saya dapat menghuraikan isi-isi utama dalam penulisan e-mel dengan baik.	3.13	3.8
5	Saya dapat memberikan contoh-contoh yang relevan untuk menghuraikan isi penulisan e-mel.	3.56	3.86
6	Pembelajaran penulisan e-mel yang tidak menggunakan wadah digital atau aplikasi adalah membosankan.	3.26	3.36
7	Penggunaan video dapat menjadikan pembelajaran penulisan e-mel menarik.	3.3	4.27

Jadual 6 yang memaparkan maklum balas pelajar tentang penggunaan e-pedagogi dalam penulisan e-mel, menunjukkan respons yang sangat memberangsangkan. 92% hingga 100% pelajar dalam setiap item yang diketengahkan, bersetuju kesan positif e-Pedagogi dalam membantu mereka memperbaiki penulisan e-mel, sama ada secara sendiri atau kolaboratif. Respons terbuka para pelajar juga menunjukkan mereka menyambut baik penggunaan e-Pedagogi, terutama penggunaan SLS dan Padlet yang membolehkan mereka membaca idea-idea rakan dan menggunakan contoh-contoh yang terbaik dalam penulisan e-mel masing-masing. Selain itu, penggunaan media digital seperti laman Berita Mediacorp, Podcast Berita Harian dan YouTube juga mendedahkan pelajar kepada bukan sahaja pelbagai informasi yang diperlukan dalam penulisan e-mel, bahkan kosa kata yang lebih luas.

Jadual 6: Tinjauan Pascaujian Tentang Penggunaan e-Pedagogi Dalam Penulisan E-mel

	Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju
		%	%	%	%	%
1	Saya mendapati maklum balas guru melalui wadah ICT boleh membantu saya memperbaiki penulisan e-mel saya.	13	83	4	-	-
2	Saya dapat meningkatkan pemahaman saya untuk menghuraikan isi-isi utama dengan merujuk kepada bahan-bahan dalam talian seperti laman Berita Mediacorp, podcast BH dan YouTube.	35	61	-	4	-
3	Saya dapat memberi contoh-contoh yang relevan berdasarkan topik yang diberikan guru dengan merujuk kepada bahan-bahan dalam talian seperti laman Berita Mediacorp, podcast BH dan YouTube.	35	61	4	-	-
4	Aplikasi Padlet dapat membantu saya dalam pembelajaran secara kolaboratif.	44	48	4	4	
5	Respons rakan-rakan dalam aplikasi Padlet dapat membantu saya menulis isi e-mel dengan lebih baik.	35	61	-	4	-
6	Aplikasi Padlet dan Portal SLS dapat membantu saya belajar mengikut tahap kemampuan saya.	35	61	-	4	-

7	Portal SLS membenarkan saya mengikuti sesuatu pelajaran secara berulang-ulang.	30	70	-	-	-
8	Bagaimanakah penggunaan e-pedagogi (Padlet, SLS dan bahan digital – Berita Mediacorp, Podcast BH dan Youtube) dalam pembelajaran penulisan e-mel telah membantu saya?					
	Kosa kata yang dipelajari daripada wadah digital dapat digunakan dalam e-mel. Informasi yang luas juga memberikan saya idea-idea dalam menjawab soalan e-mel.	Ia membantu saya menulis dengan lebih banyak kerana terdapat banyak respons daripada rakan-rakan yang dapat saya pilih.				
	Saya boleh mencari artikel- artikel relevan dan mendapatkan isi-isi yang baik untuk memperbaiki penulisan e-mel saya.	Ia telah membantu saya memahami topik e-mel dengan lebih jelas.				
	Ia telah membantu saya untuk menghuraikan idea-idea saya dengan lebih jelas.	Saya dapat menambah dan memanjangkan isi.				
9	Apakah yang dapat guru lakukan untuk menjadikan pembelajaran penulisan e-mel lebih menarik?					
	Apa yang guru lakukan sudah menarik dan seronok.	Terus gunakan SLS dan Padlet supaya lebih mudah untuk saya fahami.				
	Mencari artikel-artikel kami sendiri, adakan perbincangan dan bertukar-tukar pendapat	Menggunakan Padlet supaya kita boleh mempelajari dari satu sama lain.				
	Mengadakan lebih banyak sesi dalam talian.	Menjadikan tajuk e-mel lebih menarik.				

Bagi mengukur sejauh mana mutu penulisan e-mel pelajar telah dapat ditingkatkan melalui e-Pedagogi, data kuantitatif telah diperolehi dengan membandingkan markah praujian iaitu sebuah latihan e-mel sebelum pembelajaran e-Pedagogi dijalankan, dengan markah pascaujian yang terdiri daripada 3 latihan e-mel yang berbeza yang perlu ditulis pelajar setelah melalui pembelajaran e-pedagogi. Jadual 7 memaparkan peningkatan pencapaian pelajar dalam pascaujian bagi pelajar band bawah, band atas dan secara keseluruhan bagi ketiga-tiga e-mel iaitu 69.6% bagi e-mel 1, 83.4% bagi e-mel 2 dan 65% bagi e-mel 3. Namun, peningkatan ini lebih ketara dalam kalangan pelajar band atas dengan peningkatan yang lebih konsisten iaitu sebanyak 85.7% bagi e-mel 1 dan 86.7% bagi e-mel 2 dan e-mel 3.

Para pelajar band bawah didapati tidak konsisten peningkatannya iaitu sebanyak 44.4% bagi e-mel 1, 77.8% bagi e-mel 2 dan menjunam kepada 25% bagi e-mel 3. Penurunan pencapaian ini kemungkinan disebabkan pertama, kurang perancangan dan bimbingan yang diberikan guru akibat kesuntukan

waktu kerana musim peperiksaan semakin mendekat. Bagi e-mel 1 dan e-mel 2, pelajar dikehendaki membuat draf penulisan e-mel selepas pembelajaran e-Pedagogi, namun langkah ini tidak dilakukan bagi e-mel 3. Kedua, oleh sebab para pelajar telah melalui 2 kitaran pembelajaran e-Pedagogi dalam penulisan e-mel, maka guru menjangkakan bahawa pelajar sudah boleh berdikari dan menggabungkan isi pelajaran secara sendiri. Ternyata, para pelajar band bawah masih kurang berkebolehan dalam pembelajaran sendiri.

Jadual 7: Pencapaian Pelajar Dalam Pascaujian Berbanding Praujian

Bilangan Pelajar	Pencapaian	E-mel 1 %	E-mel 2 %	E-mel 3 %
Band Bawah (9)	Meningkat	44.4	77.8	25
	Tiada Perubahan	33.4	-	37.5
	Menurun	22.2	22.2	37.5
Band Atas (15)	Meningkat	85.7	86.7	86.7
	Tiada Perubahan	-	13.3	13.3
	Menurun	14.3	-	-
Jumlah Keseluruhan (24)	Meningkat	69.6	83.4	65
	Tiada Perubahan	13.0	8.3	22
	Menurun	17.4	8.3	13

Jadual 8 memaparkan prestasi pelajar dari segi band pemarkahan yang diperoleh dalam praujian dan pascaujian. Dalam praujian, hanya 8.3% pelajar daripada jumlah keseluruhan yang berada di band 2 atas, manakala 50% berada di band 3 atas. Dalam pascaujian e-mel 1, dapat dilihat peningkatan dari segi mutu penulisan apabila lebih ramai pelajar iaitu sebanyak 34.8% beralih ke band 2 atas, manakala jumlah pelajar yang berada di band 3 atas merosot kepada 21.7%.

Pascaujian e-mel 2 menunjukkan peningkatan mutu penulisan yang lebih ketara dengan seramai 8% pelajar berada di band 1 dan 71% pelajar di band 2 atas, yang terdiri daripada 77.8% pelajar band bawah dan 66.7% pelajar band atas. Prestasi yang memberangsangkan ini disebabkan lebih banyak perancangan dan maklum balas yang dijalankan melalui wadah *Interactive Thinking Tool* di SLS serta penerapan pemikiran aras tinggi yang memerlukan pelajar memberikan pendapat peribadi dan nasihat kepada pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab. Pelajar juga perlu mencari artikel dalam talian sendiri dan kemudian memberi pendapat tentang artikel tersebut melalui SLS. Sekiranya respons yang diberikan pelajar kurang memuaskan, guru akan

mengajukan soalan melalui kotak komen di SLS sehingga pelajar menunjukkan pemahaman jelas terhadap topik atau perkara yang dibincangkan.

Dalam pascaujian e-mel 3, seramai 39% pelajar berada di band 2 atas dan 39% di band 2 bawah. Walaupun secara keseluruhan masih ada peningkatan mutu, namun ia lebih ketara daripada pelajar band atas.


Jadual 8: Perbandingan Berdasarkan Band Pemarkahan

Bilangan Pelajar		Band 1 (16-20) %	Band 2 Atas (13-15) %	Band 2 Bawah (11-12) %	Band 3 Atas (8-10) %	Band 3 Bawah (6-7) %	Band 4 (0-5) %	
Praujian Band Atas Keseluruhan	Band Bawah		11.1	33.3	55.6			
	Band Atas		6.6	46.7	46.7			
	Keseluruhan		8.3	41.7	50			
Pascaujian	Emel 1	Band Bawah		11.1	55.6	33.3		
		Band Atas		50	35.7	14.3		
		Keseluruhan		34.8	43.5	21.7		
	Emel 2	Band Bawah		77.8	22.2			
		Band Atas	13.3	66.7	20			
		Keseluruhan	8	71	21			
	Emel 3	Band Bawah			50	50		
		Band Atas		60	33.3	6.7		
		Keseluruhan		39	39	22		

Berdasarkan analisis dapatan kualitatif dan kuantitatif, dapat dirumuskan bahawa e-Pedagogi dalam bentuk pembelajaran *synchronous* dan *asynchronous* berupaya meningkatkan mutu penulisan e-mel dan menggalakkan pembelajaran aktif. Hal ini dapat dilihat dari segi kepelbagaian isi, huraian, contohan relevan, penambahan bilangan perkataan yang ditulis bagi setiap e-mel (lihat Jadual 9) serta penggunaan kosa kata yang lebih luas dan sesuai dengan topik e-mel yang digunakan dalam penulisan. Lantas dengan ini, prestasi pelajar dari segi kualiti markah yang diperolehi juga turut meningkat, secara keseluruhannya.

Jadual 9: Purata Bilangan Perkataan

	Praujian	E-mel 1	E-mel 2	E-mel 3
Band Bawah	200	281	365	249
Band Atas	243	327	480	406



Pembelajaran *asynchronous* dalam bentuk *Flipped Classroom* dan pembacaan sendiri bahan-bahan media digital sebelum pengajaran guru dan perbincangan di kelas telah mengaktifkan pembelajaran dan menyediakan pelajar untuk setiap topik penulisan e-mel yang baru. Soalan-soalan susulan yang diajukan bagi setiap artikel atau media digital yang dimuat naik untuk diselesaikan secara *asynchronous* dan *synchronous* melalui *Interactive Thinking Tool* di *SLS* telah menggalakkan pemikiran dan perbincangan. Penggunaan Padlet secara *synchronous* untuk menyusun dan merangkumkan isi-isi penting dalam kumpulan dan sebagai pengukuhan pemahaman pelajar merupakan satu bentuk demonstrasi pembelajaran dan kolaborasi. Maklum balas yang diberikan oleh rakan dan guru sama ada secara *asynchronous* atau *synchronous* melalui fungsi komen di *SLS* dan aktiviti susur galeri secara maya di Padlet membantu pelajar meningkatkan pemahaman tentang topik penulisan. Jelasnya, e-Pedagogi sama ada dalam bentuk *synchronous* atau *asynchronous* mampu meningkatkan mutu penulisan e-mel para pelajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai matlamatnya dari segi prestasi pelajar dan penerimaan mereka. Adalah baik jika kajian ini dapat diperluas ke aspek-aspek kemahiran bahasa yang lain. Namun, dalam keghairahan menyepadukan teknologi dalam pedagogi, faktor bimbingan guru tetap penting dan tidak boleh diketepikan. Dalam merancang e-Pedagogi, keperluan pelajar yang berbeza-beza juga perlu dipertimbangkan, terutama pelajar berkebolehan rendah yang memerlukan masa untuk membiasakan diri dengan pembelajaran aktif dan sendiri. Jika dilaksanakan dengan perancangan yang teliti, e-Pedagogi mampu mencapai matlamat pembelajaran dengan berkesan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Jassika Murni Jasni

RUJUKAN

Beetham, H. dan Sharpe, R. (2013). *Rethinking Pedagogy for a Digital Age*. USA: Routledge Taylor & Francis Group.

Candy, P. (2004). *Linking Thinking: Self-directed Learning in the Digital Age*. Dest, Canberra: Commonwealth of Australia.

Fabriz, Sabine, Mendzheritskaya, Julia dan Stehle, Sebastian (2021). Impact of Synchronous and Asynchronous Settings of Online Teaching and Learning in Higher Education on Students' Learning Experience During COVID-19. *Frontiers in Psychology*. Dipetik pada 29 Oktober 2021 daripada <https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fpsyg.2021.733554/full>

Hratinsky, S. (2008). Asynchronous and Synchronous E-learning. *Educause Quarterly Vol. 31(4)*, 51-55. Dipetik pada 21 Oktober 2021 daripada <https://er.educause.edu/articles/2008/11/asynchronous-and-synchronous-elearning>

Kolb, Liz (2020). *Learning First, Technology Second in Practice*. Australia: Hawker Brownlow Education.

MOE (2020, March 4). *Learn for Life - Ready for the Future: Refreshing Our Curriculum and Skills future for Educators*. Dipetik pada 30 Oktober 2021 daripada <https://www.moe.gov.sg/news/press-releases/20200304-learn-for-life-ready-for-the-future-refreshing-our-curriculum-and-skillsfuture-for-educators>

MOE (2021). *Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah)*. Singapore: Curriculum Planning and Development Division.

Pardede, P. (2012). Blended Learning for ELT. *Journal of English Teaching Vol 2(3)*, 165-178. Dipetik pada 21 Oktober 2021 daripada <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED599644.pdf>

Shaik, B dan Algannawar, A. (2018). Active Learning Strategies in Classroom Using ICT Tools. *A Peer Reviewed Multidisciplinary Journal Vol. 6(1)*, 89-95.

Simuth, J. dan Sarmany-Schuller, I. (2012). Principles of E-pedagogy. *Procedia - Social and Behavioral Sciences Vol. 46*, 4454-4456. Dipetik pada 21 Oktober 2021 daripada <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042812020101>